

# RM3.9j untuk biayai kajian pemuliharaan sumber



**DR MOHD AZIB**  
... kajian sumber penting

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) mendapat peruntukan hampir RM3.9 juta untuk menjalankan penyelidikan mengenai keadaan serta pemuliharaan sumber semula jadi di negeri itu.

Daripada jumlah itu, RM2.5 juta diterima daripada Kerajaan Sarawak pada 1994 sebagai dana teras untuk menjalankan penyelidikan mengenai tanaman sagu.

Di samping itu, RM400,000 diterima daripada Jepun pada tahun ini untuk menjalankan penyelidikan bagi penghasilan bahan bakar serta plastik yang mudah reput daripada kanji sagu.

Selain itu, Unimas turut menerima kira-kira RM1 juta menerusi program Intensification Research in Priority Areas (IRPA) sejak 1997 untuk menjalankan kajian mengenai status pencemaran alam sekitar di kawasan perairan Sarawak.

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Unimas, Prof Dr Mohd Azib Salleh, berkata tanaman sagu dan pemuliharaan alam sekitar adalah antara penyelidikan utama yang dijalankan di fakulti itu sejak universiti berkenaan ditubuhkan enam tahun lalu.

Katanya, antara kajian yang dijalankan ke atas tanaman sagu ialah kajian mengenai faktor genetik yang mengawal kadar penghasilan kanji sagu.

"Kajian ini bertujuan mengenal pasti cara untuk membaiki dan meningkat-

kan baka pokok sagu supaya jangka masa kematangan boleh dipercepatkan. Ketika ini tanaman sagu mengambil masa selama 10 tahun untuk mengeluarkan hasil.

"Jika tempoh kematangan ini boleh dicepatkan, sudah tentu tanaman sagu boleh ditanam dalam kawasan yang lebih luas," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di kampus sementara Unimas di Kota Samarahan, Sarawak, baru-baru ini.

Fakulti Sains dan Teknologi Sumber memberi tumpuan terhadap pengajaran dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi sumber semula jadi.

Dari segi pengajaran, ketika ini fakulti itu menawarkan program pengajian di peringkat ijazah pertama dalam bidang Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik, Sains dan Pengurusan Sumber Haiwan, Sains dan Pengurusan Sumber Tumbuhan, Kimia Sumber serta Bioteknologi Sumber.

Sejak mula beroperasi pada sesi 1993/94, dengan pengambilan kumpulan pertama seramai 40 pelajar, fakulti itu kini mempunyai kira-kira 360 pelajar peringkat ijazah pertama.

Selain itu, fakulti berkenaan juga mempunyai 22 pelajar peringkat sarjana dan dua peringkat doktor falsafah.

Dr Mohd Azib berkata, kajian mengenai penukaran kanji sagu pula bertujuan memperkembangkan jenis produk yang boleh dihasil-

kan daripada kanji yang diperolehi daripada tanaman sagu.

Katanya, ketika ini kebanyakan produk daripada tanaman sagu banyak digunakan dalam industri makanan.

"Kajian yang dijalankan ketika ini bertujuan menjadikan kanji sagu sebagai sumber bahan bakar dan bahan plastik yang mudah reput. Kajian yang dijalankan sejak lima tahun lalu itu nampaknya sudah menunjukkan kejayaan awal," katanya.

Mengenai penyelidikan alam sekitar pula, katanya, kajian itu bertujuan mengenal pasti punca serta keadaan pencemaran yang dialami di kawasan perairan Sarawak.

Katanya, kajian awal menunjukkan pencemaran kawasan berkenaan berlaku disebabkan bahan petroleum serta sisa buangan industri, terutama logam berat.

"Kajian ini penting untuk menentukan kestabilan alam sekitar di kawasan akuatik seperti sungai dan laut. Kita perlu menentukan keadaan tumbuhan dan haiwan serta habitatnya akibat pencemaran yang berlaku supaya dapat merancang strategi bagi mengelakkan habitat berkenaan daripada pupus.

"Pemeliharaan bukan sahaja penting dari segi nilai ekonomi tetapi juga nilai estetika," katanya.